



# SOALAN LAZIM

## PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI 2023 TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP 2023)

### 1. Apakah itu Program Penajaan Pengajian Tertiari (TESP 2023)?

Program Penajaan Pengajian Tertiari adalah program penajaan berbentuk **Pinjaman Boleh Ubah** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar lepasan STPM, Matrikulasi / Asasi / STAM / Diploma dan setaraf yang telah ditawarkan pengajian peringkat Ijazah Pertama dalam bidang dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpilih bagi sesi kemasukan **2023**. Hanya pelajar semester satu (1) ATAU dua (2) sahaja di peringkat Ijazah Pertama yang layak memohon.

### 2. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program TESP?

Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui Portal MARA, <http://www.mara.gov.my>. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebagai pengguna baharu sebelum mengisi permohonan. Pemohon juga dikehendaki membaca dan memahami Garis Panduan Permohonan TESP yang disediakan sebelum membuat permohonan.

### 3. Bilakah permohonan Program TESP akan dibuka?

Permohonan dibuka selama 14 hari mulai **5 Mei** (Jumaat) hingga **18 Mei 2023** (Khamis) sehingga jam **11:59 malam**.

### 4. Apakah syarat-syarat umum kelayakan yang ditetapkan oleh pihak MARA?

Syarat kelayakan Program ini boleh dirujuk dalam garis panduan permohonan yang diletakkan di Portal MARA, seperti berikut:

- Pemohon** dan **salah seorang ibu** atau **bapa** berstatus **Bumiputera** dan **warganegara** Malaysia.
- Had umur pelajar **tidak melebihi 40 tahun** semasa permohonan.  
Memenuhi kelayakan **Status Sosioekonomi (SES)** yang ditetapkan. Pengecualian syarat SES bagi pengajian dalam bidang Perubatan dan Pergigian sahaja
- Ibu, bapa dan penjaga serta pemohon **tidak disenarai hitam** atau sedang dalam tindakan undang-undang MARA.
- Tidak pernah menerima pinjaman bagi peringkat pengajian yang sama.
- Bagi pelajar yang mempunyai masalah kesihatan, pemohon perlu mendapatkan pengesahan daripada doktor bertauliah bahawa pemohon adalah sihat dan boleh melanjutkan pengajian.

### 5. Apakah syarat kelayakan akademik untuk melayakkan pelajar memohon Program TESP?

- Bagi **pelajar baharu**, perlu memperolehi keputusan akademik sekurang-kurangnya PNGK (CGPA) 3.00 dan ke atas bagi peringkat pengajian Asasi / Matrikulasi / Persediaan / STPM /



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI 2023 TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP 2023)

STAM / Diploma dan yang setaraf dengannya. Pelajar juga telah mendapat tawaran dan mendaftar pengajian di IPT bermula Januari 2023.

- b) Bagi pelajar **sedia ada**, keputusan akademik yang terkini sekurang-kurangnya mendapat PNGK (CGPA) 3.00 dan ke atas serta mempunyai baki tempoh pengajian tidak kurang 1 (satu) tahun.
- c) Pelajar juga perlu lulus dengan Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu semasa di peringkat SPM. Manakala, bagi pengajian dalam bidang Perubatan, Pergigian dan Farmasi, pelajar perlu memenuhi syarat kelayakan akademik yang ditetapkan oleh Badan-Badan Profesional yang berkaitan.

**6. Adakah terdapat sebarang ujian penilaian lain seperti ujian psikometrik bagi melayakkan permohonan Program TESP dapat dipertimbangkan?**

Tiada sebarang penilaian ditetapkan bagi permohonan Program TESP. Pelajar yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja akan dipertimbangkan permohonan TESP.

**7. Dimanakah saya boleh menyemak senarai bidang dan Institusi Pengajian Tinggi terpilih yang ditetapkan oleh pihak MARA?**

Senarai tersebut boleh dirujuk di dalam Garis Panduan Permohonan TESP di Portal MARA.

**8. Saya sedang mengikuti pengajian peringkat Diploma, adakah saya layak memohon Program TESP?**

Tidak layak. Program TESP ini dibuka kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama di IPT dalam negara sahaja.

**9. Saya berada di TAHUN KEDUA dan seterusnya yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di IPT tempatan, adakah saya layak memohon?**

Ya. Anda layak memohon Program TESP ini sekiranya IPT anda berada di dalam senarai yang ditetapkan oleh MARA.

**10. Adakah Program TESP 2023 yang ditawarkan oleh MARA ini merupakan Biasiswa atau Pinjaman Boleh Ubah?**

Program TESP merupakan pinjaman boleh ubah. Pelajar perlu membuat permohonan pengurangan bayaran balik setelah tamat pengajian nanti. Selain itu, pinjaman ini tidak dikenakan sebarang kadar faedah.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI 2023 TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP 2023)

**11. Apakah yang dimaksudkan dengan Pinjaman Boleh Ubah?**

Pinjaman Boleh Ubah (PBU) bermaksud keseluruhan pinjaman pelajaran yang diterima boleh dipertimbangkan pengurangan bayaran balik berdasarkan prestasi akademik pelajar setelah tamat pengajian, tertakluk kepada dasar yang ditetapkan.

**12. Bolehkah saya memohon Program TESP 2023 sekiranya ibu/bapa saya disenaraihitam oleh MARA?**

Tidak boleh. Ibu, ayah, penjaga, penjamin dan pemohon perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon Program TESP 2023.

**13. Bolehkah saya memohon sekiranya saya mendapat PNGK 3.0 di peringkat asasi ?**

Ya, boleh. Permohonan hanya dibuka kepada pelajar-pelajar lepasan Asasi dan setaraf yang telah tamat pengajian pada 2022 dan 2023 sahaja.

**14. Adakah saya boleh mengemukakan dan menghantar permohonan TESP lebih daripada sekali?**

Pemohon tidak dibenarkan membuat permohonan lebih daripada sekali. Pemohon juga perlu memastikan data yang diperlukan diisi dengan lengkap dan betul sebelum menekan butang "Hantar" kerana tidak ada pengemaskinian maklumat boleh dilakukan selepas itu.

**15. Sekiranya semakan pelajar mendapati status terkini dipaparkan "Berstatus Hantar," adakah pelajar perlu mendaftar semula?**

Tidak Perlu. Pelajar tidak perlu mendaftar semula kerana permohonan tersebut telah berjaya dihantar dan sedang diproses.

**16. Saya pernah mengemukakan permohonan sebelum ini, iaitu pada tahun 2022 namun tidak menghantar permohonan sebelum tarikh tutup yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, saya telah mengemaskini permohonan tersebut dan menghantarnya semula pada permohonan kali ini, apakah status permohonan saya?**

Permohonan tersebut dikira sebagai permohonan baharu dan akan diproses bagi permohonan 2023 kerana pertimbangan MARA mengambilkira tarikh permohonan tersebut lengkap dan dihantar.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI 2023 TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP 2023)

**17. Sekiranya saya pernah memohon pinjaman pelajaran MARA yang lain seperti WTU atau PRO-P dan "Berstatus Hantar", apakah tindakan yang perlu saya lakukan sekiranya saya berminat untuk memohon Program TESP?**

Pemohon perlu menghantar emel di alamat; [tesp@mara.gov.my](mailto:tesp@mara.gov.my) dengan menyertakan nama dan Nombor Kad Pengenalan bagi membatalkan permohonan terdahulu yang berstatus "hantar" bagi membolehkan pelajar membuat dan menghantar permohonan TESP.

**18. Bagaimanakah dokumen-dokumen lampiran perlu dimuatnaik (upload) ke dalam sistem semasa saya mengemukakan permohonan Program TESP?**

Semua dokumen yang berkaitan perlu disimpan (save) dalam format .pdf dalam satu (1) fail sahaja, (.zip/.rar) sebelum dimuat naik (upload) ke sistem Myeduloan. **Permohonan yang tidak lengkap atau lewat tidak akan diproses.**

**19. Berapakah saiz kapasiti maksimum fail bagi semua dokumen sokongan yang boleh dimuatnaik (upload) ke dalam sistem permohonan Program TESP?**

Keseluruhan kapasiti fail yang boleh dimuat naik ke dalam sistem semasa permohonan Program TESP adalah **tidak melebihi 10MB**.

**20. Sekiranya saya telah memuat naik (upload) semua dokumen yang berkaitan ke sistem beberapa kali tetapi masih tidak berjaya, apakah yang perlu dilakukan?**

Pemohon disarankan supaya ke *history browser* untuk memadam (delete) *history/cookies* bagi mendapatkan paparan yang lebih cepat dan terkini. Namun, sekiranya masih tidak boleh memuat naik dokumen tersebut, sila tukar *browser* lain (contoh browser: firefox, mozilla, edge, internet explorer).

**21. Apakah bentuk pinjaman pelajaran yang akan saya terima sekiranya permohonan Program TESP ini berjaya?**

Pinjaman pelajaran di bawah Program TESP ini merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup (ESH) dan lain-lain elaun, tertakluk pada Status Sosioekonomi (SES) keluarga pelajar. Elaun Pengangkutan (pergi dan balik) hanya layak dibayar kepada pelajar Semenanjung yang melanjutkan pengajian di Sabah / Sarawak atau pelajar Sabah / Sarawak yang melanjutkan pengajian di Semenanjung. (Rujuk Surat Tawaran Pinjaman Pelajaran MARA)

## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI 2023 TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP 2023)

**22. Adakah saya perlu menghantar apa-apa dokumen fizikal selepas membuat permohonan secara atas talian?**

Pemohon terlebih dahulu mengisi dan melengkapkan permohonan secara atas talian (*online*) termasuk memuat naik (upload) semua maklumat yang berkaitan. Penghantaran dokumen fizikal hanya perlu dibuat setelah pihak MARA meluluskan permohonan dan mengeluarkan Surat Tawaran kepada pemohon.

**23. Bolehkah saya memohon biasiswa atau pinjaman pelajaran daripada badan penaja yang lain sekiranya telah memohon pinjaman pelajaran Program TESP?**

Boleh. Pelajar bebas untuk memohon biasiswa atau pinjaman dengan mana-mana agensi selain MARA. Namun, pelajar dikehendaki memilih satu badan penaja sahaja bagi membiayai kos pengajian pada satu-satu masa.

**24. Bagaimanakah saya boleh membuat semakan keputusan permohonan Program TESP?**

Segala status permohonan akan dikemaskini di sistem MyEduloan. Pemohon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di portal MARA; <http://www.mara.gov.my> dan emel masing-masing dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini. Sekiranya dalam tempoh 3 (tiga) bulan daripada tarikh tutup permohonan pelajar tidak menerima sebarang maklum balas daripada MARA, maka permohonan tersebut dianggap **Tidak Berjaya** dan keputusan adalah **muktamad**.

**25. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi melalui emel seperti di alamat berikut:

- a) [tespua@mara.gov.my](mailto:tespua@mara.gov.my) (bagi permohonan di IPTA)
- b) [tespipts@mara.gov.my](mailto:tespipts@mara.gov.my) (bagi permohonan di IPTS)
- c) [tespplugmi@mara.gov.my](mailto:tespplugmi@mara.gov.my) (bagi permohonan di GLU dan GMI)
- d) [tespunikl@mara.gov.my](mailto:tespunikl@mara.gov.my) (bagi permohonan di UniKL)
- e) [tespkptm@mara.gov.my](mailto:tespkptm@mara.gov.my) (bagi permohonan di UPTM/KPTM)
- f) [ictbpp@mara.gov.my](mailto:ictbpp@mara.gov.my) (bagi masalah teknikal permohonan)

TAMAT